

MAHATHIR

1978

KUALA LUMPUR, 29 JUN (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM PAS KERANA CUBA MENGELIRUKAN RAKYAT DENGAN MENGGUNAKAN KONSEP IDEOLOGI ISLAM DAN SOSIALISME ISLAM SEBAGAI SATU KONSEP YANG SAMA.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI IBUPEJABAT BARISAN NASIONAL DI SINI, BELIAU BERKATA STRATEGI PAS ITU SANGAT MERBAHAYA KERANA JIKA RAKYAT TERKELIRU DENGAN KONSEP ITU NEGARA BOLEH JATUH KE TANGAN KOMUNIS.

KATANYA, TULANG BELAKANG KEUTUHAN NEGARA TERLETAK PADA PERPADUAN ORANG MELAYU DAN SEKIRANYA MEREKA DIKELIRUKAN DENGAN KONSEP ITU, IA AKAN MELEMAHKAN PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU.

MENURUT BELIAU, JIKA INI BERLAKU IA AKAN MEWUJUDKAN SATU KEADAAN YANG SESUAI BAGI ANASIR-ANASIR ANTI-NASIONAL MERESAP KE DALAM MASYARAKAT DAN SETERUSNYA MENGHANCURKAN NEGARA. --BERSAMBUNG 1630/B

EE

B597

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, ORANG MELAYU MEMANG TIDAK BOLEH MENERIMA KONSEP KOMUNISME TETAPI SEKIRANYA DISELITKAN SEDIKIT UNSUR KEISLAMAN DI DALAMNYA, MEREKA AKAN TERTARIK UNTUK MENDENGARNYA DAN JIKA MEREKA TERPENGARUH DENGAN KONSEP ITU, NEGARA AKAN MENEMUI KEHANCURAN.

BELIAU JUGA MENYEBUT BEBERAPA BUAH NEGARA SEPERTI AFGHANISTAN DAN IRAQ DI MANA RAKYAT JELATA TELAH DIKELIRUKAN DENGAN KONSEP IDEOLOGI ISLAM DAN SOSIALISME SERTA MARXISME ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA PAS HANYA BERMINAT UNTUK MEMENANGI KERUSI DALAM PILIHANRAYA INI TANPA MENGIRA KESANNYA TERHADAP RAKYAT DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA MEMANG ADA KETERANGAN YANG PAS MENGGUNAKAN SEGALA CARA YANG ADA UNTUK MEMENANGI KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN TERMASUKLAH MENGAMBIL SAMSENG-SAMSENG.

BELIAU MENGINGATKAN RAKYAT HANYA KERAJAAN BARISAN NASIONAL SAHAJA DAPAT MENJAMIN KESTABILAN YANG BERPANJANGAN DI NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1631/BY

EE

B598

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENYENTUH TENTANG PILIHANRAYA UMUM, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN KEYAKIANNYA BARISAN NASIONAL AKAN MENDAPAT MAJORITI YANG MEMUASKAN WALAUPUN ADA SEDIKIT KELEMAHAN DI SATU ATAU DUA KAWASAN DI NEGERI PERAK.

KATANYA, DALAM NEGARA YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI MEMANG TIDAK MUNGKIN BAGI SESUATU PARTI MEMENANGI SEMUA KERUSI YANG DITANDINGI.

MENURUT BELIAU SEJAK AKHIR-AKHIR INI MEMANG ADA UNSUR-UNSUR +ANTI-ESTABLISHMENT+ DALAM PEMIKIRAN RAKYAT NEGARA INI.

KATANYA, UNDI DARI GOLONGAN INILAH YANG BOLEH MENENTUKAN KEMENANGAN BEBERAPA KERUSI UNTUK PARTI PEMBANGKANG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBANGKANG YANG SIMAT MEMANG DIGALAKKAN TETAPI APA YANG DITAKUTI IALAH RAKYAT AKAN RUGI SEPERTI YANG TERJADI DI KELANTAN. --BERNAMA 1639/BY